

Ketepi kepentingan diri demi kebaikan rakyat: TPM

Rakyat diajak
pupuk semangat
cintakan negara,
elak perpecahan

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
suhaila.shahrul@nstp.com.my

Putrajaya: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, semalam, mengajak rakyat menyetepikan segala kepentingan diri demi kebaikan masyarakat, seterusnya memupuk semangat cintakan negara untuk mencapai keharmonian.

Menerusi perutusan sempena Aidiladha dari Makkah, beliau berkata, ibadat korban bukan saja dapat mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah, tetapi juga Islam menyeru umatnya sentiasa bersatu padu dan mengelakkan daripada perpecahan.

Katanya, langkah itu perlu agar nasib umat Islam di negara ini sentiasa terbela dan martabat agama Islam itu sendiri akan terus terpelihara.

“Justeru itu, bersempena Aidiladha pada kali ini, marilah kita bersama berganding bahu dan berpimpin tangan demi mengeratkan perpaduan berbilang bangsa, seterusnya menterjemah budaya toleransi dalam konteks bermasyarakat.

“Sesungguhnya dalam memaknai perjuangan dan pengorbanan itu tidaklah semudah ungkapan tetapi juga memerlukan keazaman yang tinggi dan kecekalan

untuk menterjemahkannya dalam bentuk pelaksanaan,” katanya yang kini bersama suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sedang mengerjakan ibadat haji.

Dalam kenyataannya, Wan Azizah mengajak umat Islam menginsafi makna pengorbanan dalam menjalankan perintah Allah seperti kisah kesediaan Nabi Ibrahim menyembelih putera kesayangannya, Nabi Ismail.

“Namun, atas berkat kesabarannya mentaati perintah Allah, akhirnya Allah menggantikan anaknya dengan seekor kibas.

“Peristiwa yang turut dicatat dalam Al-Quran (Surah As-Saffat ayat 101 hingga 111) itu adalah manifestasi lambang ketundukan, ketaatan dan kepatuhan yang cukup tinggi seorang hamba dalam menjunjung titah perintah Penciptanya iaitu Allah SWT,” katanya.

Anwar dalam perutusannya

pula, mengajak umat Islam menghayati mesej yang jelas dari peristiwa dan ibadah korban iaitu mengenai kesabaran, ketaatan, keikhlasan dan kecintaan kepada Tuhan Maha Esa yang mesti digarap sebaiknya oleh umat dalam menggapai keberkatan-Nya.

“Dalam kesempatan yang sama juga dapat kita sesama umat Islam memperteguhkan persaudaraan dan memperkemas tali silaturahmi sesama insan.

“Oleh yang demikian, mesej al-Quran yang menerapkan kebersamaan juga, wajar dilihat dengan kanta yang majmuk dan berbilang seperti Malaysia sebagai usaha memupuk perpaduan antara kaum dan agama.

“Usah pula kita diperkakas mereka yang mengajak kepada kacau bilau dan ketaasuban, lantas kelak akan mengesani kerukunan yang sekian lama terbina antara kita,” katanya.